

# SPRM serbu kuari pasir haram

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

**K**egelisahan seorang penjaga kawasan persendirian di Kampung Padang Badang, Mukim Tawar, Baling membawa kepada penemuan aktiviti kuari pasir secara haram, kelmarin.

Serbuan yang dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Baling itu dilakukan hasil maklumat orang awam.

Ketika serbuan, lelaki berusia lingkungan 40-an itu pada awalnya memberi kerjasama baik dengan memperkenalkan diri sebagai penjaga kawasan berkenaan sebelum menghubungi seseorang yang didakwa sebagai pengurusnya.

Difahamkan, lelaki itu kemudiannya cuba melarikan diri ketika 15 anggota SPRM dan PTD sedang melakukan tinjauan di kawasan persekitaran.

Sumber SPRM Kedah ketika ditemui berkata, serbuan itu dilakukan setelah pemantauan dibuat sejak Mac lalu.

"Kita menerima aduan orang awam mengatakan berlaku masalah kepada kawasan sungai dan tebing yang semakin terhakis dengan teruk akibat kerja-kerja kuari menyedut pasir di kawasan berkenaan.

"Orang awam bimbang sebab keadaan itu boleh mengakibatkan ancaman kepada mereka dan persekitaran pada masa akan datang sekiranya dibiarkan berterusan,"

Menurutnya, aktiviti korek pasir tanpa permit itu juga dipercayai berlarutan sejak lebih setahun lalu.


"Kita terpaksa buat serbuan di kawasan berkenaan untuk memeriksa dokumen dan aktiviti yang sedang berlaku dalam kawasan berkenaan," katanya.

Sumber juga memaklumkan, aktiviti kuari pasir di kawasan itu pada sebelum ini pernah diusahakan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Kedah sebelum permitnya tamat pada 25 Mei 2015.

"Selepas permit itu tamat, pemilik tanah bertindak mengusahakan sendiri aktiviti



Pasir yang disedut dihimpunkan sebelum dijual kepada pihak tertentu.



Pegawai SPRM Kedah dan PTD Baling melakukan siasatan awal terhadap penjaga kawasan kuari pasir, kelmarin.

korek pasir di kawasan itu tanpa permit sah dan dipercayai berkongsi hasil dengan pihak tertentu sebagai ganjaran.

"Maklumat awal kita terima berlaku rasuah dalam kegiatan itu sebab tak ada langsung tindakan diambil. Bila kita buat serbuan, memang berlaku kecurian pasir di kawasan tersebut," katanya.

Jelasnya, aktiviti korek pasir itu turut menyebabkan kerugian hasil cukai lebih RM2,000 sehari kepada kerajaan negeri.

"Setelah pemeriksaan dilakukan, kita mendapati aktiviti kuari pasir itu mengeluarkan antara 30 hingga 40 lori sehari untuk dijual kepada pihak tertentu.

"Sebelum ini mereka dipercayai hanya menjalankan aktiviti pada hari minggu saja, tapi sejak Ramadan mereka beroperasi setiap hari bermula jam 8 pagi hingga 5 petang," katanya.

Serbuan kira-kira jam 11.30 pagi itu turut berjaya menghentikan aktiviti kuari yang sedang menyedut pasir di kawasan berdekatan tebing.

"Tindakan awal kita adalah mengarahkan supaya segala aktiviti kuari pasir dihentikan serta-merta dan memeriksa segala dokumen berkaitan aktiviti berkenaan.

"Kawasan tersebut akan disita bersama dua eskavator dan satu set alat penyedut

**EKSKLUSIF**

pasir oleh Pejabat Tanah dan Galian Kedah hasil daripada laporan pemeriksaan yang dijalankan PTD Baling kerana tidak memiliki permit sah," katanya.

Pegawai Daerah Baling, Datuk Dzohir Md Zain berkata, amaran itu diberikan selepas menerima banyak aduan daripada orang awam mengenai aktiviti kuari pasir

yang didakwa tidak mengikut spesifikasi yang dibenarkan.

"Sebenarnya kawasan kuari itu telah ditutup pada tahun lalu selepas tidak diusahakan lagi sebuah syarikat GLC Kedah.

"Tapi pengusaha didapati cuba meneruskan aktiviti itu tanpa permit. Kita dah buat tinjauan dan berikan amaran lisan kepada pengusaha berkenaan pada bulan April dan Mei lalu," katanya.



**AKADEMI SAGA**



**PUSAT  
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN  
& LATIHAN AUTOMOTIF**

**SESI PENGAMBILAN  
15 OGOS 2016**

**Bantuan  
Pembayaan  
&  
Pinjaman  
Disediakan**

\*TERTAKLUK KEPADA TERMA  
DAN SYARAT

**Kursus-kursus yang ditawarkan :**

**Sijil Servis Automotif (Tahap 2) - TP 300-2:2013**

**Sijil Servis Automotif (Tahap 3) - TP 300-3:2013**

**Diploma Eksekutif Automotif (Tahap 4) - TP 300-4:2013**

**AKADEMI SAGA** KOD PUSAT BERTAULIAH : I01044

No. 2 & 4, Jalan Tukul 16/5, Seksyen 16,  
40200 Shah Alam, Selangor D.E, Malaysia

Tel : 03-5518 5199/97 Faks : 03-5518 5192/93

[www.akademisaga.edu.my](http://www.akademisaga.edu.my)

 [akademisaga.hucsb](https://www.facebook.com/akademisaga.hucsb)

Diiktiraf oleh :







Keadaan tebing sungai yang terhakis teruk akibat aktiviti korek pasir.